

14/02/2003

Mesej bantah serangan Amerika

TAIPING: Malaysia yakin dapat menyampaikan mesej membantah serangan Amerika Syarikat (AS) ke atas Iraq pada sidang kemuncak Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM), minggu depan.

Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Zainal Abidin Zin, berkata mesej tidak bersetuju dengan cadangan AS menyerang Iraq pasti dirasai wakil dari negara lain pada sidang kemuncak itu.

"Kita tunggu ucaptama dan mesej yang akan disampaikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada perwakilan NAM minggu depan.

"Saya berharap mesej itu dapat memperkuatkan bantahan dari negara kuasa besar seperti Perancis, Russia, China, Belgium dan Jerman yang tidak bersetuju dengan tindakan AS menyerang Iraq," katanya pada majlis korban anjuran Umno Bahagian Bagan Serai di sini, semalam.

Zainal Abidin berkata, pentadbiran AS perlu sedar masyarakat dunia membantah tindakan menyerang Iraq atas faktor kemanusiaan.